



## SOALAN-SOALAN LAZIM

- Soalan 1.**  
S. Berapa kalikah pengambilan pelajar dijalankan dalam tempoh setahun?  
J. *Pengambilan akan dijalankan 2 kali setahun iaitu bulan Januari dan bulan Julai.*
- Soalan 2.**  
S. Dimanakah saya boleh mendapatkan borang permohonan bagi kemasukan baru?  
J. *Borang permohonan boleh dibeli di pejabat-pejabat pos negeri dan daerah yang terpilih disetiap negeri* (Sila rujuk iklan pengambilan)
- Soalan 3.**  
S. Biliakah jangkakan pengeluaran borang permohonan bagi kemasukan baru akan mula dijual?  
J. *Kira-kira 3 bulan sebelum pengambilan baru.*
- Soalan 4.**  
S. Bolehkah borang permohonan bagi kemasukan sesi lepas digunakan kembali sekiranya masih belum digunakan?  
J. *Boleh, sekiranya tiada perubahan kursus di institut yang dipohon.*
- Soalan 5.**  
S. Selain kursus sepenuh masa, adakah kursus jangka pendek juga ditawarkan?  
J. *Ada. Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi pihak institut yang berkenaan.*



## KETERANGAN LANJUT

Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi:

Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia  
(Kementerian Sumber Manusia)  
Aras 6, Blok D4, Parcel D, Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan  
62052 Putrajaya

Tel : 03-88865000  
Fax : 03-88892412/17  
E-mail : [jtm@mohr.gov.my](mailto:jtm@mohr.gov.my)  
Homepage : <http://www.jtm.gov.my>

atau,

Pengarah  
Institut Latihan Perindustrian  
Jalan Mohd Salleh  
P.O. Box 80849  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan


Tel : 087-414911  
Fax : 087-422500  
E-mail : [ipwpl@ilm.net.my](mailto:ipwpl@ilm.net.my)  
Homepage : <http://www.ilplabuan.gov.my>



KEMENTERIAN SUMBER  
MANUSIA

**JTM**  
JABATAN TENAGA MANUSIA

**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**



*Tenaga Mahir Membina Negara*



## PENGENALAN

Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan merupakan salah sebuah institut yang beroperasi di bawah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di dalam Kementerian Sumber Manusia yang ditubuhkan untuk memberi latihan teknikal secara formal kepada pekerja-pekerja sektor perindustrian dan para belia lepasan sekolah bagi membolehkan mereka mendapatkan kemahiran didalam bidang tertentu.

## OBJEKTIF

- Melahirkan tenaga kerja yang memenuhi kehendak sektor perindustrian.
- Meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja industri bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan dengan lebih berkesan ke arah pembangunan negara.
- Memudahkan para lepasan sekolah mendapatkan pekerjaan melalui latihan kemahiran perindustrian yang sistematik.



## LATAR BELAKANG

Institut Latihan Perindustrian Labuan mula dibina pada tahun 1982 dan mula beroperasi pada Jun 1984. Didirikan di kawasan seluas 32 ekar dan telah dirasmikan pada 26 Oktober 1985.

## KEMUDAHAN

Institut Latihan Perindustrian Labuan turut menyediakan pelbagai kemudahan kepada para pelajar bagi menjalani latihan didalam suasana yang kondusif. Antaranya ialah:

- 1. Asrama**  
*Pelajar tajaan JTM disediakan tempat tinggal, makan dan minum secara percuma.*
- 2. Yuran**  
*Percuma bagi tajaan JTM.*
- 3. Elaun Saku**  
*RM100.00 sebulan*
- 4. Elaun Latihan Sambil Kerja (LSK)**  
*RM300.00 sebulan*
- 5. Riadah**  
*Kemudahan sukan dan rekreasi disediakan.*
- 6. Perubatan dan insuran**  
*Disediakan bagi setiap pelajar.*



## KURSUS-KURSUS SEPENUH MASA YANG DITAWARKAN

BIL	KURSUS	KELAYAKAN	SIJIL	TEMPOH (BULAN)
1.	Mekanik Industri	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
2.	Pemesinan Am	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
3.	Kimpalan Arka dan Gas	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
4.	Automotif	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
5.	Juruelektrik	A	SKM Tahap 1&2 SJP PW2	18 + 6 LSK
6.	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
7.	Teknologi Maklumat	A	SKM Tahap 2&3 SJP	12 + 3 LSK
8.	Binaan Bangunan Berasaskan Kayu	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
9.	Binaan Bangunan	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK
10.	Paip dan Sanitari	B	SKM Tahap 1&2 SJP	12 + 3 LSK

NO.	PETUNJUK	KENYATAAN
1.	<b>A</b>	SPM, Lulus Bahasa Melayu <b>Keputusan</b> Matematik ATAU Sains
2.	<b>B</b>	SPM, Lulus Bahasa Melayu <b>Lulus</b> Matematik ATAU Sains
3.	<b>LSK</b>	Latihan Sambil Kerja (On Job Training)
4.	<b>SKM</b>	Sijil Kemahiran Malaysia
5.	<b>SJP</b>	Sijil Juruteknik Perindustrian
6.	<b>PW2</b>	Pendawai Elektrik Fasa Tunggal dan Endosan.

